

Di sini segalanya bermula...



UTeMI

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI

Tuhan sekalian alam, Tuhan yang memiliki segala keagungan dan kekuasaan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Juga ke atas keluarganya, para sahabat dan mereka yang mencontohinya sehingga hari kiamat.

Allahu Ya Rahman Ya Rahim

Kami bersama menadah kedua belah tangan dengan penuh khusyuk dan tawadhu, mengharapkan kasih, sayang dan ihsan-Mu, agar dilimpahi ke dalam hati kami taufik dan hidayah-Mu, inayah dan riayah-Mu serta ampunkanlah segala dosa kami, dosa kedua ibu bapa kami dan seterusnya seluruh hamba-Mu yang taat dan patuh akan perintah-Mu. Kurniakanlah ke atas kami Ya Allah, badan yang sihat, akal yang sempurna dan fikiran yang bijaksana, agar kami semua dapat menjalankan tugas sebagai khalifah di atas muka bumi ini dengan penuh amanah dan dedikasi.

Allahu Ya Zaljalali Wal Ikram

Tuhan yang mempunyai kemuliaan dan keagungan. Anugerahkanlah azam yang tinggi, hati yang cecal dan tabah, ke atas para pendidik dan pembimbing anak bangsa, yang tidak jemu menerangi dunia dengan cahaya ilmu dan pengetahuan, tanpa mengenal erti keperitan dan kepayahan, gigih serta ikhlas dalam mencurahkan idea dan kepakaran, demi membina dan membentuk anak bangsa yang berjaya, supaya menjadi benteng panghapus kejahatan, di kalangan masyarakat sekeliling untuk bersama mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

Allahu Ya Sattar Ya A'lim

Limpahkanlah rahmat dan keberkatan-Mu yang luas kepada penerima anugerah pada hari ini, di atas berkat kesungguhan mereka untuk mengecapi kejayaan demi kejayaan bagi membina personaliti yang unggul. Berikanlah mereka keyakinan serta kekuatan untuk terus menyumbangkan kepakaran, pemikiran dan segalanya demi kemajuan agama, bangsa dan negara. Mudah-mudahan penganugerahan dan pengiktirafan yang diberikan ini dapat meningkatkan kompetensi dan seterusnya mengharumkan nama baik organisasi.

Allahu Ya Qawwi Ya Matin

Berikanlah kami tekad yang tinggi, serta tingkatkanlah iltizam kami agar segala pengetahuan dan pengalaman yang telah Engkau kurniakan, dapat kami gunakan dengan sebaik-baiknya, penuh jujur dan dedikasi supaya kami sentiasa maju ke hadapan bagi membina satu tamadun yang berasaskan wawasan negara, yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Kami jua memohon semoga kerjasama dan usaha murni yang terjalin antara kami ini, akan sentiasa mekar dan segar, untuk menjadi sebuah Institusi Pendidikan Tinggi yang unggul di persada dunia.



CANSELOR

Chancellor

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka
Tun Datuk Seri Utama
DR. MOHD KHALIL BIN YAAKOB
S.M.N., D.U.N.M., S.U.M.Z., S.J.M.K., S.S.A.P.,
P.S.M., S.I.M.P., S.P.D.K., D.P., J.S.M., S.M.P.,
G.C.O.M.(GER).



A portrait of Dr. Maszlee Bin Malik, the Minister of Education, standing against a futuristic blue background with circuitry and data patterns. He is wearing a dark blue suit, a white shirt, and a red patterned tie. A name tag on his lapel reads "MASZLEE".

MENTERI PENDIDIKAN Minister of Education

Yang Berhormat
DR. MASZLEE BIN MALIK

PRO-CANSELOR **Pro-Chancellor**

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk
DR. HADENAN BIN A. JALIL
P.S.M, S.I.M.P, P.N.B.S., D.M.S.M., J.M.N., K.M.N.,
A.M.N.



PRO-CANSELOR **Pro-Chancellor**

Yang Berbahagia Datuk Wira
ISMAIL BIN SALEH
D.C.S.M., D.S.M., K.M.N.





**PENGERUSI LEMBAGA
PENGARAH UNIVERSITI**
Chairman of the University
Board of Directors

Academician Tan Sri
DR. Ir. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI, FASc
P.S.M., P.J.N., S.J.M.K., S.I.M.P., D.P.C.M.,
D.P.M.P., J.M.N., A.M.N.



NAIB CANSELOR Vice-Chancellor

Yang Berbahagia Profesor Datuk Ts.
DR. SHAHRIN BIN SAHIB, FASc
D.M.S.M., D.S.M., B.C.M.



Sekapur Sirih

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurniaNya yang mengizinkan kita untuk bersama-sama meraikan detik yang penuh adat istiadat bersejarah dalam peredaran usia Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu Majlis Konvokesyen Ke-14, UTeM bagi tahun 2018. Saya mewakili Pengurusan Tertinggi Universiti mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu kehormat, ibu bapa, para graduan ke majlis kemuncak tahunan Universiti yang amat dinanti-nantikan oleh semua khususnya para graduan UTeM yang dikasihi sekalian.

Sudah semestinya pada hari yang bersejarah ini, rasa bangga dizahirkan atas kejayaan 2765 orang graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian mereka menerusi empat (4) sesi penganugerahan yang merangkumi 41 orang graduan Ijazah Kedoktoran, 277 orang graduan Ijazah Sarjana, 2114 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 333 orang graduan Diploma. Secara keseluruhannya, sehingga kini UTeM telah berjaya menghasilkan seramai 26,418 orang graduan, sekali gus membuktikan peningkatan kecemerlangan UTeM dalam menghasilkan graduan yang seimbang dan berkompentensi tinggi sejajar dengan kejayaan UTeM dalam meraih pelbagai kejayaan sepanjang 18 tahun penubuhan Universiti tercinta ini.

Kejayaan yang dikecapi hari ini akan lebih bermakna jika ia disulami dengan pembangunan sahsiah yang mantap dan personaliti unggul para graduan sekalian. Perkara inilah yang akan memberikan keistimewaan kepada para graduan sekalian berbanding dengan orang lain yang telah memperolehi kejayaan yang sama. Kemantapan jati diri juga akan menjadi faktor utama untuk *survival* dalam dunia penuh mencabar hari ini. Kejayaan yang telah diukir di atas transkrip ini perlu dilengkapi dengan pembawaan diri yang serba boleh dalam segala bidang.

Majlis Konvokesyen kali ini juga turut diserikan lagi dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada YBhg. Datuk Lee Yin Yee, Pengasas dan Pengerusi Xinyi Group yang berpusat di Hong Kong di atas sokongan padu dan sumbangan signifikan yang dapat mengeratkan lagi hubungan Universiti industri selain memberi banyak manfaat dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan dan penyelidikan di Universiti ini.

Akhir kata, saya berdoa agar para graduan UTeM senantiasa memperolehi kejayaan dalam kehidupan sama ada di bidang pekerjaan atau melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Gunakanlah segala ilmu, pengalaman dan peluang yang ada untuk bersama-sama membangun dan melestarikan UTeM menerusi penglibatan aktif dalam Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) di samping memberikan sumbangan menerusi Tabung Wakaf dan Endowmen UTeM. Buktikan bahawa anda adalah merupakan yang terbaik dan dapat menyumbangkan bakti kepada pembangunan masyarakat sejagat dan negara. Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DATUK Ts. DR. SHAHRIN BIN SAHIB, FASc
Naib Canselor

Foreword

IN THE NAME OF ALLAH, MOST MERCIFUL, MOST COMPASSIONATE

Assalamualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera.

Praise be to the Almighty Allah S.W.T. for His mercy and blessings has enabled us to gather for the momentous event of the 14th Convocation of Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). This convocation ceremony is the most significant occasion in the University's calendar. It represents the culmination of years of diligence and hard work, of sacrifice and dedication. I therefore extend a very special welcome to graduands who are here today and for whom we are gathered.

This year's convocation is held over four (4) sessions, witnessing a total of 333 students conferred with Diploma, 2114 conferred with Bachelor's Degree, 277 graduates receiving their Master's Degree and 41 awarded with Doctorate degree. Altogether, we will have graduated 2765 students this year in addition to 23,653 who graduated since the first convocation ceremony. This profound achievement is a testimony of UTeM's commitment in producing balanced and highly-competent graduates who are not only academically viable but also morally sound.

Today commemorates yet another milestone for all graduands - it is imperative that you hold in respect those who have supported you through University, your parents, relatives, sponsors and friends, all of whom who have made your achievements possible. The University has equipped you, not only with substantial academic knowledge imprinted on your transcript but also has enhanced character development through various value-added programmes emphasizing resilience, innovativeness, and entrepreneurial attributes which all culminate to a towering personality. UTeM will continue to strive and strategize towards more effectual attainments, hence augmenting our visibility both at the national and global fronts.

In conjunction with the 14th Convocation Ceremony, UTeM is indeed proud to award the Honorary Doctor of Engineering to Datuk Lee Yin Yee, Founder and Chairman of Xinyi Group, based in Hong Kong for his significant support in strengthening the industry-University synergy encompassing knowledge transfer that has greatly contributed to the quality of academia and research at UTeM.

Finally, I would like to take this opportunity to congratulate all graduands and wish you well. The future is what we make of it; much is expected of you; make us proud by your contributions. I hope you will remember this as a very special day for yourselves and your families and that you will continue to exemplify the integrity of knowledge obtained and utilize it in the most worthy manner for the good of mankind and the nation. Be watchful, hopeful, big-hearted and realize that your best is in your future. My good wishes are always with you. I urge you to join your colleagues at taking the alumni association or AUTeM to enviable heights through many ways, including contributions to the UTeM Waqf and Endowment Fund and I shall look forward to meeting you at future events by AUTeM.

Thank you.

PROFESSOR DATUK Ts. DR. SHAHRIN BIN SAHIB, FASc
Vice-Chancellor



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

UNIVERSITY BOARD OF DIRECTORS



PENGERUSI – *Chairman*
ACADEMICIAN TAN SRI DR. Ir. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI, FASc



AHLI - *Member*
YBHG. PROF. DATUK Ts.
DR. SHAHRIN BIN SAHIB, FASc



AHLI - *Member*
YB DATUK SERI ROSLAN
BIN IBRAHIM



AHLI - *Member*
YBHG. PROF. DATO' Ts.
DR. MOHD ISMAIL BIN ABD. AZIZ



AHLI - *Member*
YBHG. DATUK OMAR
SHARIFF BIN MYDEEN



AHLI - *Member*
YBHG. DATUK NIK AIRINA
BINTI NIK JAFFAR



AHLI - *Member*
PROF. DR. MOHD
RIDZUAN BIN NORDIN



AHLI - *Member*
DR. NORMAS BINTI AWANG



AHLI - *Member*
EN. AZRUL BIN AZIZ



AHLI - *Member*
EN. MOHD NAZRI BIN MD SHARIFF



SETIAUSAHA - *Secretary*
EN. MASDZARIF BIN MAHAT

SENAT *SENATE*



PENGERUSI - *Chairman*
YBHG. PROF. DATUK Ts. DR. SHAHRIN BIN SAHIB, FASc
NAIB CANSOLOR
Vice-Chancellor



AHLI - *Member*
YBHG. PROF. DATUK Ts. DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
*Deputy Vice-Chancellor
(Academic & International)*



AHLI - *Member*
PROF. DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
*Deputy Vice-Chancellor
(Research & Innovation)*



AHLI - *Member*
PROF. MADYA DR. NURULFAJAR BIN ABD MANAP
TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR)
*Deputy Vice-Chancellor
(Student Affairs)*



AHLI - *Member*
PROF. DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN
(PENOLONG NAIB CANSOLOR
PEMBANGUNAN & PENGURUSAN FASILITI)
*Assistant Vice-Chancellor
(Development & Facility Management)*



AHLI - *Member*
PROF. Ts. DR. GOH ONG SING
(PENOLONG NAIB CANSOLOR
JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)
*Assistant Vice-Chancellor
(Industry & Community Network)*



AHLI - Member
**PROF. DR. NOREFFENDY
 BIN TAMALDIN**
 DEKAN
 PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
 Dean
Centre for Graduate Studies



AHLI - Member
**PROF. MADYA Ir. DR.
 MD NAZRI BIN OTHMAN**
 DEKAN
 FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
 Dean
Faculty of Electrical Engineering



AHLI - Member
**PROF. MADYA DR.
 MOHD SHAKIR BIN MD SAAT**
 DEKAN
 FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK &
 KEJURUTERAAN KOMPUTER
 Dean
*Faculty of Electronic & Computer
 Engineering*



AHLI - Member
DR. RUZTAMREEN BIN JENAL
 DEKAN
 FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
 Dean
Faculty of Mechanical Engineering



AHLI - Member
**PROF. MADYA DR.
 ZAMBERI BIN JAMALUDIN**
 DEKAN
 FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN
 Dean
Faculty of Manufacturing Engineering



AHLI - Member
Gs. DR. OTHMAN BIN MOHD
 DEKAN
 FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT
 & KOMUNIKASI
 Dean
*Faculty of Information &
 Communication Technology*



AHLI - Member
PROF. DR. MD. NOR HAYATI BIN TAHIR
 DEKAN
 FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI &
 TEKNOUSAHAWANAN
 Dean
*Faculty of Technology Management &
 Technopreneurship*



AHLI - Member
**PROF. MADYA Ts. MOHD RAHIMI
 BIN YUSOFF**
 DEKAN
 FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
 ELEKTRIK & ELEKTRONIK
 Dean
*Faculty of Electrical & Electronic
 Engineering Technology*



AHLI - Member
**PROF. MADYA Ts. DR.
 UMAR AL-AMANI BIN HAJI AZLAN**
 DEKAN
 FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
 MEKANIKAL & PEMBUATAN
 Dean
*Faculty of Mechanical & Manufacturing
 Engineering Technology*



AHLI - Member
PROF. MADYA DR. SAFIAH BINTI SIDEK
 DEKAN
 INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI &
 KEUSAHAWANAN
 Dean
*Institute of Technology Management &
 Entrepreneurship*



AHLI - Member
DR. ZAWIAH BINTI MAT
 DEKAN
 PUSAT BAHASA
 & PEMBANGUNAN INSAN
 Dean
*Centre for Languages & Human
 Development*



AHLI - Member
**YBHG. PROF. DATUK DR.
 MOHD RUDDIN BIN AB. GHANI**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**YBHG. PROF. DATO' DR.
ABU BIN ABDULLAH**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
**PROF. Ir. DR. MARIZAN
BIN SULAIMAN**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
**PROF. DR. ABDUL RANI BIN
OTHMAN**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
**PROF. DR. ZULKALNAIN BIN
MOHD YUSSOF**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
**PROF. Ir. DR. KENNETH
A/L SUNDARAJ**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
PROF. DR. MD RAZALI BIN AYOB
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
PROF. DR. GHAZALI BIN OMAR
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
**PROF. Ir. DR. SIVARAO A/L
SUBRAMONIAN**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
**PROF. DR. AZIZAH
BINTI SHAABAN**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
**PROF. DR. MOHAMMAD
ISHAK BIN DESA**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
**PROF. Ts. DR. FAAIZAH
BINTI SHAHBODIN**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
**PROF. DR. MOHD KHANAPI
BIN ABD GHANI**
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
PROF. Ts. DR. SAZILAH BINTI SALAM
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
PROF. Ts. DR. RABIAH BINTI AHMAD
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
PROF. DR. HANIPAH BINTI HUSSIN
PROFESOR
Professor



AHLI - Member
PROF. MADYA Ts. DR. MUHAMMAD FAHMI BIN MISKON
PENGARAH PEJABAT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK
Director, Academic Planning & Development Office



AHLI & SETIAUSAHA -
Member & Secretary
ENCIK MASDZARIF BIN MAHAT
KETUA PEGAWAI OPERASI
Chief Operating Officer



AHLI - Member
ENCIK KHAIRUL BIN TAIB
BENDAHARI
Bursar



AHLI - Member
YBHG. DATUK AZHAR BIN MOHAMED
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
Legal Advisor



AHLI - Member
ENCIK MOHD ISA BIN MOHD DOM
KETUA PEGAWAI MAKLUMAT
Chief Information Officer

LAMBANG KUASA UNIVERSITI KERIS PANJANG



Keris Panjang dikatakan sebagai kumpulan yang tertinggi kedudukannya dalam kumpulan keris. Keris Panjang ini hanya dipakai oleh raja-raja atau pembesar-pembesar istana. Jenis ini juga kadangkala dikenali sebagai Keris Bahari atau Keris Sumatera atau Keris Darjat atau Keris Melela atau Keris Sapukal yang ditentukan melalui mata, hulu dan sarungnya. Mata jenis keris ini biasanya tirus dan lurus. Kadangkala keris jikalau sarungnya bersalutkan emas ia juga dikenali sebagai Keris Terapang atau Keris Terapang Gabus. Mata Keris Panjang UTeM ini ditempa daripada besi waja dan dikatakan telah berusia lebih daripada 200 tahun berasal dari Pagar Ruyong, Sumatera dan terakhir ditemui di Pattani.

Hulu dan sarung keris ini diperbuat daripada kayu cengal bersalutkan perak dan emas putih dengan ukiran menyeluruh bunga kesidang (bunga rasmi Negeri Melaka). Di atas sampirnya diterapkan dengan logo UTeM dan pada pangkal batang keris ditulis perkataan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam khat Kufi, di hadapan sarung dan tulisan rumi di belakang sarung. Hulu keris ini berbentuk tapak kuda dengan replika hiasan tertentu yang bernilai dan ukiran ayat Rabbi Zidni Ilma (Surah Thohaa: Ayat 114) yang bermaksud "Ya Tuhanku, tambahkanlah ilmuku" melingkari hulu tersebut. Di tengah sampir sarung depan juga terdapat ukiran Surah Al-Ala' sebagai menyaksikan kesungguhan Universiti berhubung dengan ilmu pengetahuan.

Keris melambangkan kebesaran dan kekuasaan masyarakat Melayu yang sangat dimuliakan. Di samping pengaruhnya yang kuat mendasari budaya dan adat resam Melayu, ia juga merupakan suatu lambang keindahan seni pertukangan Melayu yang dikagumi dan dihormati. Keris Panjang sebagai lambang kuasa Universiti akan diperuntukkan untuk dipakai dan dibawa oleh panglima semasa mengiringi Canselor pada Majlis Konvokesyen Universiti.

Keris Panjang is said to be of the highest stature amongst the groups of keris. Keris Panjang is only used by kings and royal court officials. This type of keris is sometimes known as Keris Bahari, Keris Sumatera, Keris Darjat, Keris Melela or Keris Sapukal which is determined by its blade, handle and cover. The blade of this type of keris is usually straight and sharp pointed. It is also known as Keris Terapang or Keris Terapang Gabus when its cover is gold plated.

The blade of UTeM Keris Panjang is made of steel and is said to be 200 years old and originated from Pagar Ruyong, Sumatera. It was last seen in Pattani. The handle and the cover of the keris are made of silver and platinum plated cengal. It is engraved with Bunga Kesidang (Malacca's official flower) motif. The UTeM logo is carved on the sampir of the keris. The wording Universiti Teknikal Malaysia Melaka is engraved in Kufi calligraphy on the front side of the cover and in Roman letters on the other side.

The handle of the keris is shaped like a horse shoe and engraved with the verse "Rabbi Zidni Ilma" (Surah Thohaa:114) which denotes "O Allah, grant me knowledge" across it. On the front side of the cover is a carving of Surah Al-Ala' verses, which symbolises the University's determination to acquire knowledge.

Keris is the noble symbol of power and authority of the Malay community. Besides its substantial influence on the Malay custom and culture, it is also a symbol of the admired and respected exquisite Malay craftsmanship. Keris Panjang as the symbol of power of the university is adorned by the panglima when escorting the Chancellor during the University Convocation.

THE UNIVERSITY SYMBOL OF AUTHORITY KERIS PANJANG





ANUGERAH
Ijazah Kehormat

Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan
Datuk Lee Yin Yee

Datuk Lee Yin Yee dilahirkan pada Jun 1952, di Bandar Shishi, Wilayah Fujian, China yang merupakan tempat permulaan Laluan Sutera Maritim. Datuk Lee merupakan pengasas dan pengerusi syarikat konglomerat *Xinyi Group* yang berpusat di Hong Kong.

Penglibatan awal Datuk Lee dalam dunia perniagaan bermula pada tahun 1979 pada usia 27 tahun. Beliau bersama dengan 9 orang rakan telah menubuhkan syarikat kenderaan yang bermula dengan hanya sebuah traktor. Ia seterusnya berkembang menjadi satu pasukan kenderaan 'Ziyang' di Quanzhou dengan memiliki 5 buah kenderaan dan pada tahun 1983, satu syarikat aksesori kereta telah berjaya ditubuhkan. Tidak hanya bertumpu di Quanzhou, perniagaan Datuk Lee terus melebarkan sayapnya sehingga ke bandar-bandar besar iaitu Hong Kong dan Shenzhen. *Xinyi Glass* telah ditubuhkan pada tahun 1988 dan gagah membangun sehingga menjadi konglomerat dan pembekal utama produk kaca seantero dunia. *Xinyi Glass* membekal produk kaca pembinaan, kaca apung, cermin untuk kegunaan kenderaan dan merupakan pengeluar utama kaca fotovoltaiik di dunia. Kejayaan beliau dalam menerajui industri kaca yang diguna pakai oleh lebih daripada 140 negara di seluruh dunia, memberi impak yang sangat besar sehingga beliau dinobatkan sebagai 'The King of Glass'.

Berbekalkan pengalaman yang luas dalam mengurus tadbir syarikat, Datuk Lee telah memacu pertumbuhan *Xinyi Group* yang kini merupakan antara syarikat yang telah tersenarai di papan utama Bursa Saham Hong Kong menerusi *Xinyi Glass Holdings Limited* pada tahun 2005 dan *Xinyi Solar Holdings Limited* pada tahun 2013, sementara *Xinyi Hong Kong* tersenarai di Papan Keusahawanan, Bursa Saham Hong Kong pada tahun 2016. Kini, *Xinyi Group* mempunyai sejumlah 11 buah kilang pengeluaran di dalam dan luar negara China, merangkumi kawasan yang melebihi 10 juta meter persegi dan mempunyai lebih daripada 20 ribu orang pekerja.

Bertepatan dengan pepatah di sebalik kejayaan seorang lelaki, berdirinya seorang wanita di belakangnya, Datuk Lee bertuah mempunyai seorang isteri, Datin Tung Hai Chi yang sentiasa menjadi tulang belakang atas kejayaan dan kebahagiaannya. Pasangan ini mempunyai 3 orang anak, Lee Shing Put, Lee Shing Kan dan Lee Pui Ah, masing-masing berjaya dan kini bergiat aktif dalam dunia perniagaan.

Selain dikenali sebagai tokoh industri dan usahawan, Datuk Lee merupakan dermawan yang sangat prihatin dalam menyokong pembangunan masyarakat. Dalam tempoh hampir 40 tahun menjalankan pelaburan di tanah besar China, beliau tidak lupa menyumbang ratusan juta wang untuk kerja amal, kebudayaan, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, alam sekitar, bantuan bencana dan juga aktiviti sukarelawan. Ini dapat dibuktikan dengan kejayaan beliau meraih gelaran sebagai *'Top Ten Philanthropists of Peng Cheng'* selain diiktiraf sebagai ahli kehormat bandaraya Shenzhen. Beliau juga telah dianugerahkan *'Bronze Bauhinia Star'* oleh kerajaan Hong Kong, yang merupakan anugerah bintang ketiga tertinggi yang dianugerahkan kepada individu yang telah memberikan sumbangan yang cemerlang kepada masyarakat di Hong Kong.

Sebagai seorang yang amat menitikberatkan kepentingan pendidikan, beliau menubuhkan hampir 60 buah sekolah harapan yang dibiayai sepenuhnya oleh Xinyi dan juga menyediakan 7 tabung pendidikan. Beliau juga telah menubuhkan Yayasan Pendidikan Lee Yin Yee Henggang dan Yayasan Pendidikan Lee Sy Ang Long pada tahun 1993. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada lebih 10,000 guru dan pelajar. Selain itu, beliau juga telah mendirikan *Yin Yee Foreign Language School* di daerah Longgang, China dan terlibat secara langsung di dalam pembinaan sekolah tersebut yang telah disempurnakan pada tahun 2015.

Dalam aspek memacu pendidikan ke arah penyelidikan berkelas tinggi, Institut Penyelidikan Teknologi Kaca telah ditubuhkan yang mempunyai objektif untuk membantu penyelidikan dalam bidang teknologi dan pembuatan kaca. Melalui hasil penyelidikan yang berimpak tinggi, institut ini telah diiktiraf sebagai pusat teknologi perusahaan peringkat wilayah pada tahun 1997. Seterusnya, pusat penyelidikan pasca-doktoral yang diiktiraf oleh kerajaan telah ditubuhkan pada Jun 2008 dan menjadi pemangkin dalam merealisasikan kerjasama yang lebih efektif antara industri dan universiti.

Memegang prinsip *'Amal dan kebajikan masyarakat adalah tanggungjawab setiap orang, ia tidak akan dinilai dari segi berapa amaun yang disalurkan'*, beliau secara terus menabur bakti kepada yang memerlukan. Sumbangan Datuk Lee tidak terhad hanya kepada negara kelahiran beliau sahaja, beliau turut bermurah hati terlibat di dalam pembangunan ekonomi aktiviti pendidikan dan penyelidikan di Malaysia, dan di Melaka khususnya. Pada tahun 2015, Datuk Lee telah dianugerahkan Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran Datuk dari Yang Dipertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil Bin Yaakob. Beliau seterusnya membawa pelaburan besar ke negeri Melaka.

Kerjasama di antara UTeM dan Xinyi Group telah mula terjalin melalui dokumen surat niat yang ditandatangani bersama di dalam pelbagai aspek pembangunan akademik, penyelidikan dan latihan bersama dengan UTeM. Antara kerjasama UTeM dan Xinyi Energy Smart (Malaysia) Sdn Bhd dan Xinyi Solar (Malaysia) Sdn Bhd di dalam menubuhkan Pusat Solar PV- Penyimpanan Tenaga, Kolaborasi UTeM dan Xinyi di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), UTeM. Beliau juga turut menyambut hasrat UTeM untuk memanfaatkan para pelajar menerusi kerjasama ini di dalam pembangunan akademik dan kerjaya graduan dengan menawarkan peluang pekerjaan dan penempatan latihan industri, menyediakan anugerah dan biasiswa kepada pelajar yang cemerlang serta menjaga kebajikan para pelajar UTeM.

Bermula 2018, Xinyi Group telah berbesar hati menaja Anugerah Khas Industri iaitu Anugerah Industri Xinyi dan Anugerah Kecemerlangan Xinyi kepada dua orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Nurul Shafieza Fasha binti Tarmizi dan Mohamad Zaki bin Zulkifli di dalam Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ke-14.

Pada Majlis Konvokesyen ke-14 ini, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ingin menghargai sumbangan dan jasa Datuk Lee Yin Yee, kepada Negeri Melaka amnya dan Universiti khususnya. Dengan ini UTeM menganugerahkan **Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan** kepada Datuk Lee Yin Yee.



Datuk Lee Yin Yee was born in June 1952, in Shishi City, Fujian Province, China. Datuk Lee is the founder and chairman of the Hong Kong-based conglomerate Xinyi Group.

Datuk Lee's early involvement in the business world began in 1979 at the age of 27. Datuk Lee, together with his 9 friends, set up a vehicle company with only a tractor. It had developed into a 'Ziyang' vehicle team in Quanzhou consisting of 5 vehicles, and in 1983, a company on car accessories was established. Datuk Lee's business continued to expand into major cities like Hong Kong and Shenzhen. Xinyi Glass was established in 1988 and has grown into a leading global conglomerate and supplier of glass products. Xinyi Glass supplies construction glass, floating glass, mirror for vehicle use, and is the leading manufacturer of photovoltaic glass in the world. His success in spearheading the glass industry has had a tremendous impact until he was crowned The King of Glass.

With his extensive experience in managing corporate governance, Datuk Lee has spurred the growth of Xinyi Group which is one of the companies listed on the main board of the Hong Kong Stock Exchange through Xinyi Glass Holdings Limited in 2005 and Xinyi Solar Holdings Limited in 2013, while Xinyi Hong Kong is listed on the Growth Enterprise Market Board of Hong Kong Stock Exchange in 2016. Currently, Xinyi Group has a total of 11 domestic and overseas Chinese manufacturing plants, covering an area of more than 10 million square meters and has over 20,000 employees.

It is true that behind every successful man, there is a woman. Datuk Lee is fortunate to have a wife, Datin Tung Hai Chi who has always been the backbone of his success. The couple have 3 children, Lee Shing Put, Lee Shing Kan, and Lee Pui Ah, whom are now actively involved in the business world. In addition to being known as entrepreneur, Datuk Lee is a very caring philanthropist in supporting community development. Within nearly 40 years of investing in mainland China, he has not forgotten to donate millions of money for charitable, cultural, transport, education, health, environmental, disaster relief, and volunteer activities. This is evidenced by his success as the 'Top Ten Philanthropists of Peng Cheng' and he was also recognized as honorary member of the Shenzhen city. He was also awarded the 'Bronze Bauhinia Star' by the Hong Kong government, which is the award to those who have contributed excellently to the community in Hong Kong.

信義 控股有限公司
XINYI HOLDINGS LIMITED

Honorary Doctorate
RECIPIENT
Honorary Doctor of Engineering
Datuk Lee Yin Yee





As an individual who emphasizes the importance of education, he has established nearly 60 fully-funded Xinyi schools and also provided 7 educational funds. He also established Lee Yin Yee Henggang Education Foundation and Lee Sy Ang Long Education Foundation in 1993. This initiative has benefited more than 10,000 teachers and students. In addition, he also established the Yin Yee Foreign Language School in Longgang, China and was directly involved in the construction of the school which was completed in 2015.

In early 90's, Xinyi has established the Research Institute of Glass Technology. Through high impact research, the institute was recognized as a provincial-level enterprise technology center in 1997. A government-accredited post-doctoral research center was established in June 2008 and has been a catalyst for realizing greater collaboration between industries and universities ever since.

The people's welfare is everyone's responsibility no matter how small the contribution is. Because of this principle, Datuk Lee continues to help people in need. His contribution is not limited to his country of birth, he is also involved in the economic development of education and research activities in Malaysia, and particularly in Melaka. In 2015, Datuk Lee was awarded the Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) which carried the title Datuk from Yang Dipertua Negeri Melaka, His Excellency Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil Bin Yaakob. He subsequently brought big investments into the state of Melaka.



The collaboration between UTeM and Xinyi Group has been established through a letter of intention in various aspects of academic development, research, and training. One collaboration between UTeM and Xinyi Energy Smart (Malaysia) Sdn. Bhd. and Xinyi Solar (Malaysia) Sdn. Bhd. is the establishment of Xinyi-UTeM Solar PV-Energy Storage Centre in the Faculty of Electrical Engineering (FKE), UTeM. He has also welcomed UTeM's idea to include students in academic and career developments through this collaboration. This could be done by offering job opportunities and placement of industrial training, awarding awards and scholarships to outstanding students, and taking care of the students' welfare.

In 2018, Xinyi Group sponsored two students from the Faculty of Electrical Engineering, Nurul Shafieza Fasha binti Tarmizi, and Mohamad Zaki bin Zulkifli for the Xinyi Excellence Award and the Xinyi Industry Award at the 14th convocation.

At this 14th convocation, UTeM wishes to appreciate Datuk Lee Yin Yee's contribution and services to Melaka, and especially to UTeM. UTeM hereby awards the **Honorary Doctor of Engineering** to Datuk Lee Yin Yee.

ATUR CARA

SESI PERTAMA – ISNIN, 26 NOVEMBER 2018 (PAGI)

- 7.30 pagi : Pendaftaran Graduan
- 8.00 pagi : Ketibaan Para Tetamu & Dif-Dif Kehormat
- 8.10 pagi : Ketibaan YBhg. Naib Canselor dan Isteri
Yang Berbahagia Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib, FASC
Yang Berbahagia Datin Fadzilah binti Salim
- : Perarakan Graduan
: Perarakan Staf Akademik
- 8.15 pagi : Ketibaan YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah dan Isteri
Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali, FASC
Yang Berbahagia Puan Sri Amnah binti Jaffar
- 8.20 pagi : Ketibaan Penerima Ijazah Doktor Kehormat dan Isteri
Yang Berbahagia Datuk Lee Yin Yee
Yang Berbahagia Datin Tung Hai Chi
- 8.25 pagi : Ketibaan YB. Menteri Pendidikan dan Isteri
Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik
Yang Berbahagia Dr. Hamidah binti Mat
- 8.30 pagi : Ketibaan YAB Ketua Menteri Melaka dan Isteri
Yang Amat Berhormat Tuan Haji Adly bin Zahari
Yang Amat Berbahagia Puan Hajah Dalilah binti Awaluddin
- 8.35 pagi : Ketibaan YBhg. Pro-Canselor dan Isteri
Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Hadenan bin A. Jalil
Yang Berbahagia Puan Sri Faridah binti Abdul Hamid
- Yang Berbahagia Datuk Wira Ismail bin Saleh
Yang Berbahagia Datin Wira Saudah binti Rahmat
- 8.45 pagi : Ketibaan Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Isteri
Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob
Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina binti Kassim
- 8.50 pagi : Pemeriksaan Kawalan Kehormatan SUKSYS
- 9.00 pagi : Perarakan Utama Masuk Dewan
- Ahli Senat
 - Naib Canselor/Rektor IPTA/IPTS
 - Mufti Kerajaan Negeri Melaka
 - Ahli Lembaga Pengarah
 - Penerima Ijazah Doktor Kehormat
- 9.15 pagi : Perarakan Canselor Masuk Dewan
- Ketua Pegawai Operasi
 - Naib Canselor
 - Pengerusi Lembaga Pengarah
 - Ketua Menteri Melaka
- Pro-Canselor
 - Panglima
 - Canselor
- : Lagu Negaraku
: Lagu Melaka Maju Jaya
: Lagu UTeM Terbilang
: Bacaan Ayat Suci Al-Quran
: Pengumuman Tujuan Majlis
: Pengisytiharan Pembukaan Majlis Konvokesyen Ke-14
: Ucapan YBhg. Naib Canselor

- : Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat
: Ucapan Penerima Ijazah Doktor Kehormat
: Penganugerahan Doktor Falsafah, Doktor Kejuruteraan, Sarjana dan Sarjana Muda

- Doktor Falsafah
- Doktor Kejuruteraan
- Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik
- Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekatronik
- Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektronik
- Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Mekanikal
- Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Pembuatan
- Sarjana Sains dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Sarjana Sains dalam Pengurusan Teknologi
- Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia
- Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Pemacu)
- Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)
- Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Tenaga)
- Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer)
- Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Elektronik)
- Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Sistem Telekomunikasi)
- Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kejuruteraan Tenaga)
- Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)
- Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk Produk)
- Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Pembuatan)
- Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Sistem Kualiti)
- Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Kejuruteraan Industri)
- Sarjana Sains Komputer (Teknologi Rangkaian Internet)
- Sarjana Sains Komputer (Teknologi Pangkalan Data)
- Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian & Kepintaran)
- Sarjana Sains Komputer (Sains Keselamatan)
- Sarjana Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Operasi Termaju)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Teknologi & Inovasi)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles) dengan Kepujian

- : Penganugerahan Hadiah Akademik Pelajar Cemerlang

- Anugerah Pelajaran Diraja
- Hadiah Canselor
- Hadiah Pro-Canselor
- Hadiah Naib Canselor
- Hadiah Tesis Kedoktoran & Sarjana Terbaik
- Hadiah Industri
- Anugerah Khas Industri:
 - o Anugerah Kecemerlangan Infineon
 - o Anugerah Industri Infineon
 - o Anugerah Kecemerlangan Western Digital
 - o Anugerah Industri Samsung SDIEM
 - o Anugerah Kecemerlangan Xinyi
 - o Anugerah Industri Xinyi
 - o Anugerah Yayasan Melaka

- : Ucapan Wakil Graduan
: Ucapan Tuan Yang Terutama Tun Canselor
: Bacaan Doa
: Pengisytiharan Penangguhan Majlis Konvokesyen Ke-14 Sesi Pertama
: Lagu Negaraku

1.00 t/hari : Perarakan Keluar Dewan

ATUR CARA

SESI KEDUA – ISNIN, 26 NOVEMBER 2018 (PETANG)

- 1.00 petang : **Pendaftaran Graduan**
- 2.15 petang : **Kelibaan Para Tetamu & Dif-dif Kehormat**
: **Perarakan Graduan**
: **Perarakan Staf Akademik**
- 2.25 petang : **Ketibaan YBhg. Naib Canselor dan Isteri**
Yang Berbahagia Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib, FASc
Yang Berbahagia Datin Fadzilah binti Salim
- 2.30 petang : **Ketibaan YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah dan Isteri**
Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali, FASc
Yang Berbahagia Puan Sri Amnah binti Jaffar
- 2.35 petang : **Ketibaan YB. Menteri Pendidikan dan Isteri**
Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik
Yang Berbahagia Dr. Hamidah binti Mat
- 2.40 petang : **Ketibaan YAB Ketua Menteri Melaka dan Isteri**
Yang Amat Berhormat Tuan Haji Adly bin Zahari
Yang Amat Berbahagia Puan Hajah Dailah binti Awaluddin
- 2.45 petang : **Kelibaan YBhg. Pro-Canselor dan Isteri**
Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Hadenan bin A. Jalil
Yang Berbahagia Puan Sri Faridah binti Abdul Hamid
Yang Berbahagia Datuk Wira Ismail bin Saleh
Yang Berbahagia Datin Wira Saudah binti Rahmat
- 2.50 petang : **Kelibaan Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Isteri**
Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob
Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina binti Kassim
- 2.55 petang : **Perarakan Utama Masuk Dewan**
 - Ahli Senat
 - Naib Canselor/Rektor IPTA/IPTS
 - Mufli Kerajaan Negeri Melaka
 - Ahli Lembaga Pengarah
- 3.10 petang : **Perarakan Canselor Masuk Dewan**
 - Ketua Pegawai Operasi
 - Naib Canselor
 - Pengerusi Lembaga Pengarah
 - Ketua Menteri Melaka
 - Pro-Canselor
 - Panglima
 - Canselor
- : **Lagu Negaraku**
: **Lagu Melaka Maju Jaya**
: **Lagu UTeM Terbilang**
: **Bacaan Ayat Suci Al-Quran**
: **Pengumuman Tujuan Majlis**
: **Pengisytiharan Sambungan Majlis Konvokesyen Ke-14 Sesi Kedua**
: **Ucapan YBhg. Naib Canselor**
: **Penganugerahan Sarjana Muda**
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) Dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan & Penyaman Udara) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses & Teknologi) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan dengan Kepujian
 - Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik & Automasi) dengan Kepujian
